

08/04/2002

AIM tidak terlepas daripada siasatan: PM

Norbakti Alias; Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, berkata Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) tidak terlepas daripada disiasat jika ada laporan penyelewengan dalam pengurusan dana kerajaan bagi membantu golongan miskin itu.

Perdana Menteri berkata, tanpa siasatan, sukar bagi pihak berkuasa mengambil sebarang tindakan bagi memperbaiki kepincangan dalam pengurusan AIM.

"Kalau ada laporan atau pun ura-ura kesalahan dilakukan, itu kita mesti adakan siasatan. Tanpa siasatan, kita tak bolehlah nak buat apa-apa tindakan," katanya ketika ditemui selepas mengakhiri lawatan kerja tiga hari ke sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap AIM selepas mengesan penyelewengan dalam pengurusan dan pengagihan pinjaman agensi itu kepada penduduk miskin.

Berita Harian, Jumaat lalu melaporkan BPR menyiasat AIM apabila pihak berkuasa mengesan wujud penyelewengan dalam pengurusan dan pengagihan pinjaman.

Siasatan yang bermula tahun lalu, dibuat selepas menerima laporan daripada Bank Negara selaku badan kawal selia pengurusan AIM, menjurus kepada dakwaan wujud penyelewengan dan salah laku dalam pengurusan, terutama berkaitan pengagihan pinjaman kepada Sahabat (peserta) yang tidak mematuhi surat ikatan penubuhan AIM.

Berikutan siasatan itu, tiga pegawai kanan AIM dikatakan digantung kerja enam bulan, berkuat kuasa 10 Disember lalu.

Sementara itu, Pengarah Siasatan BPR, Datuk Nordin Ismail dilapor mengesahkan pihaknya menyiasat pengurusan kanan AIM kerana disyaki menyalahgunakan kuasa berhubung agihan pinjaman.

"Saya mengesahkan BPR melakukan siasatan ke atas AIM berhubung perkara itu," katanya.

Sementara itu, AIM juga menubuhkan jawatankuasa penyiasat bagi mengkaji secara menyeluruh penyelewengan yang dikesan dalam pengurusan dan pengagihan pinjamannya.

Jawatankuasa yang diketuai seorang ahli lembaga pengarah AIM serta dianggotai beberapa pegawai kanannya, dijangka mengemukakan laporan dan cadangan mereka Jun ini.

AIM juga dikata akan mendapatkan khidmat pengasasnya, Prof Sukor Kasim dari Universiti Sains Malaysia (USM), bagi mengkaji kesesuaian fungsi badan itu yang kini sudah berusia 15 tahun.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan kerajaan pada 1987 itu dipertanggungjawab untuk meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar serta mengeluarkan mereka daripada paras itu.

Badan itu yang mendapat peruntukan kerajaan, memberi pinjaman antara RM250 hingga RM20,000 kepada peminjam yang dikenali sebagai Sahabat bagi membiaya projek seperti berniaga dan pertanian.

Sementara itu, Pengerusi AIM, Amihamzah Ahmad, dilaporkan berkata operasi dan khidmat AIM kepada kira-kira 80,000 rakyat miskin tidak terjejas berikutan siasatan itu.

Beliau mengesahkan selepas tiga pegawai kanan AIM digantung kerja, dua lagi pegawai, termasuk penasihat undang-undang meletak jawatan.

"Mereka melepaskan jawatan dengan alasan tidak minat untuk berkhidmat di AIM apabila pihak berkuasa melakukan menyiasat badan itu," katanya.

(END)